

Pelan Strategik USIM 2013-2025 jalin hubungan dengan masyarakat Islam Krabi

SEREMBAN 30 Sept. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjalinkan hubungan lebih erat dengan masyarakat Islam di Krabi, Thailand selaras dengan fokus Pelan Strategik USIM 2013-2025 untuk menjadi universiti rujukan dalam bidang integrasi ilmu naqli dan aqli pada tahun hadapan terutama di peringkat serantau.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad menyatakan komitmen itu dalam pertemuan bersama Timbalan Gabenor Wilayah Krabi, Narong Woonsiew dan Presiden Komuniti Islam Krabi, Asnawee Mukura dalam satu majlis di Krabi Front Bay Resort, Thailand hari ini.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Nilai dekat sini, Musa berkata, Krabi mempunyai seramai 500,000 penduduk dengan sebahagiannya beragama Islam.

"Itu membuka peluang kerjasama yang luas untuk USIM bersama masyarakat di sini. USIM melalui program khas khidmat komuniti antarabangsa yang kita namakan sebagai Global Islamic Student Outreach (GISO) telah beberapa kali mengadakan program di sini.

"Maklum balas peserta dan

masyarakat amat baik dengan nama USIM semakin mendapat perhatian di sini. Pada pertengahan Disember nanti, kita bersetuju untuk menghantar delegasi terbesar USIM untuk mengadakan khidmat komuniti dalam aspek kesihatan, promosi pendidikan dan sosioekonomi.

"Pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang menyertainya nanti juga akan tinggal bersama keluarga angkat di sini sepanjang program," katanya.

Tambah Musa, selain khidmat komuniti, pengurusan universiti juga mencadangkan program bertaraf antarabangsa anjuran fakulti dan jabatan di USIM seperti seminar, konvensyen dan forum memilih Krabi sebagai lokasi pilihan.

"Kita juga akan meneroka kerjasama akademik yang dapat dilaksanakan bersama institusi pendidikan tinggi seperti madrasah yang terdapat di Krabi," ujarnya.

Dalam pada itu, Narong dalam reaksinya mengucapkan terima kasih atas perhatian dan keprihatinan USIM kepada komuniti Islam di wilayah itu.

Menurutnya, setiap tahun peningkatan pelancong khususnya

dari negara Islam serantau dan Asia Barat telah datang ke Krabi.

"Salah satu faktornya kerana ia merupakan destinasi pelancongan yang mesra Muslim kerana terdapat kira-kira 160 premis hotel dan restoran yang menyediakan menu halal selain kemudahan masjid dan surau yang mudah diakses," kata Narong.

Sesi pertemuan dua hala itu diatur sempena penganjuran Seminar Sistem Ekonomi Islam (iECONS) kali keenam 2015 anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM.

Seramai 130 peserta dari Jordan, Pakistan, Bangladesh, Indonesia, Brunei, Malaysia dan Thailand telah terlibat dalam seminar berkenaan.

Sempena iECONS itu, dua memorandum persefahaman (MoU) turut ditandatangani USIM dengan Universiti Fatoni dan Thaqaafah Saving Co-operative dari Thailand.

Turut dilancarkan dua buah buku terbitan USIM Press iaitu *Zakat's Role in Enhancing The Economy of The Ummah: Challenges and Future Prospects* dan *Managing Philanthropy for Social Security & Economic Empowerment*.



MUSA AHMAD (dua dari kiri), Narong Woonsiew (tengah) dan Asnawee Mukura (dua dari kanan) semasa perasmian iECONS 2015 majlis di Krabi Front Bay Resort, Thailand, semalam.